

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

SOALAN :

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana dan apakah pendekatan pihak Kementerian dalam membantu para pengusaha ladang getah di negara ini menguruskan hasil getah mereka dengan lebih baik memandangkan keadaan pasaran getah yang agak baik buat masa sekarang.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah gred SMR20 *Free on Board* (FOB) telah mula menunjukkan tren peningkatan pada suku tahun keempat 2016 dengan rekod tertinggi yang dicatatkan pada paras RM9.46 sekilogram (se kg) pada 15 Disember 2016. Tren ini juga dicatatkan bagi tempoh bulan Januari sehingga Februari 2017 di mana harga yang tertinggi pada tempoh ini adalah RM10.59 se kg pada 31 Januari 2017.

Sebahagian besar tanaman getah buat masa ini adalah diusahakan oleh pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan amat prihatin impak ketidakstabilan harga terhadap pendapatan mereka dan telahpun mengambil beberapa pendekatan untuk memastikan pendapatan pekebun kecil getah tidak terjejas. Ini termasuk;

i. **Mekanisma penetapan harga di ladang**

Peruntukan sebanyak RM6.4 juta telah disediakan sejak Jun 2014 kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk terlibat di dalam aktiviti urusan getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dapat dikurangkan dan seterusnya meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang.

Sehingga kini sebanyak 18 koperasi sedang terlibat dalam urusan getah dan menawarkan pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah.

ii. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks

Peruntukan sebanyak RM10 juta disediakan untuk memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Langkah ini di samping mengurangkan pengimportan lateks, juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*.

iii. Aktiviti nilai tambah sektor huluan

Satu model penyelidikan skala pandu pemprosesan getah krip serta serum pekat akan digunakan sebagai pusat rujukan dan pemindahan teknologi. Matlamatnya ialah bagi menghasilkan getah separa-proses yang mempunyai ciri-ciri keseragaman dan kualiti baik di samping penghasilan serum pekat sebagai bahan tambah nilai. Melalui model ini, pekebun kecil diberi peluang untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti di sektor huluan, pengawalan dan peningkatan bekalan kualiti bahan mentah serta pemprosesan getah. Ia dilaksanakan melalui pengkelompokan pekebun kecil (*clustering*) dan *vertical integration* supaya dapat meningkatkan peranan dan taraf ekonomi pekebun kecil getah. Pendekatan ini dapat menyumbang kepada pengurusan hasil getah yang lebih baik di kalangan pekebun kecil melalui pengeluaran getah yang bermutu tinggi dan produk *midstream* yang bernilai tinggi.

iv. Penganjuran Program Pengurusan Ladang

Kementerian telah mempergiatkan aktiviti khidmat nasihatnya kepada pekebun kecil melalui Penganjuran Program Pengurusan Ladang oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi meningkatkan Amalan Pertanian Baik (GAP). Usahawan yang terpilih akan dilatih untuk menguruskan kebun getah mengikut piawaian pengurusan ladang supaya mahir mengendalikan ladang termasuk soal teknikal dan kewangan. Anak-anak pekebun kecil getah pula akan diajar dan diberi bimbingan untuk membangunkan produk getah yang boleh diguna pakai dalam kegunaan harian secara komersil dengan menggunakan bahan mentah tempatan.

Melalui program ini, pekebun kecil diberikan pendedahan dan maklumat terkini tentang teknologi-teknologi terkini yang dapat meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

SOALAN :-

YB. Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan terhadap lambakan peniaga haram warga asing yang kian meningkat dalam negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan terhadap peniaga haram warga asing adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tindakan yang boleh diambil oleh PBT untuk mengawal lambakan peniaga haram warga asing di kawasan operasi PBT ialah membatalkan permit pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing. Manakala peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen, PBT boleh terus menyita dan merampas barang jualan serta merta tanpa perlu memberi amaran/notis terlebih dahulu. Perkara ini selaras dengan Seksyen 73(1)(f) dan (g), akta 171.

Selain itu, PBT turut terlibat dengan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM),

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya bagi
mambanteras banjiriran peniaga haram warga asing ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017